


Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur

Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review

Mohamad Bazli Md Radzi , Salmi Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting dalam membina tamadun dan peradaban umat Islam. Peranan masjid tidak terhad hanya sebagai tempat pelaksanaan ibadah khusus semata-mata, akan tetapi mencakupi pelbagai aktiviti termasuk sebagai penjanaan ekonomi masyarakat setempat. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk menyoroti peranan masjid dari aspek perekonomian. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan analisa kandungan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis literatur mendapati bahawa peranan masjid sebagai pusat kegiatan ekonomi masyarakat telah diperkasakan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan kegiatan ekonomi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti koperasi masjid, pemberian bantuan modal, pelaksanaan konsep perniagaan sosial seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah, peralatan kenduri-kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan inap desa yang merupakan sebahagian daripada aktiviti pengimarah masjid. Di samping itu, terdapat juga aktiviti berbentuk penternakan seperti pusat membangunkan semula penternakan lembu bagi membekalkan kemahiran dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dalam menjana pendapatan. Melalui pelaksanaan aktiviti berkonsepkan perekonomian yang berpusat di masjid, mampu untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Implikasi daripada sorotan ini menunjukkan justifikasi yang signifikan terhadap kajian lanjut berkaitan keperluan pemerkasaan peranan ini perlu diperhalusi sehingga dapat menghasilkan mekanisme atau modul khusus berkaitan perekonomian masjid agar boleh dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh di seluruh masjid di Malaysia.

KATA KUNCI

Peranan masjid, Pembangunan ekonomi, Perniagaan sosial.

ABSTRACT

The mosque plays a pivotal role in shaping the civilization and ethos of Muslims. Its function extends beyond being merely a place of worship; it also serves as a hub for a plethora of community activities. Thus, this paper seeks to highlight the mosque's role in economic terms. This qualitative study adopts a content analysis approach and presents its findings descriptively. Through the analysis of literature, it was found that the mosque's role as a community's economic center is enhanced by the implementation of various economic activities. These activities encompass mosque cooperatives, provision of capital assistance, the execution of social business concepts such as shop lot rentals, housing rentals, telecommunication tower sites, tent and feast equipment rentals, hall and lecture room rentals, and homestay businesses. Furthermore, the mosque also encourages activities like cattle breeding centers redevelopment, thereby providing job skills and opportunities for locals to acquire new skills. The implementation of these mosque-based activities can significantly contribute to boosting the local community's economy. This paper's implications underscore the need for further studies to refine the understanding of this role, with the aim of developing specific mechanisms or modules related to the mosque economy.

Article History

Received: May 31, 2022
Revised: December 28, 2022
Accepted: April 3, 2023
Published: June 15, 2023

Contact

Mohamad Bazli Md Radzi
(Corresponding Author)
p110031@siswa.ukm.edu.my

Citation

Mohamad Bazli Md Radzi, Salmi Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad. 2023. Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 36-41.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

Such mechanisms would facilitate effective and comprehensive implementation across all mosques in Malaysia.

KEYWORDS

Role of Mosques, Economic Development, Social Business

PENGENALAN

Perkataan masjid dan jamik menurut Muhammad Ibrahim (1967) merupakan dua perkataan yang sering digabungkan. Melalui perkataan tersebut menunjukkan peranan dan fungsi masjid itu sendiri iaitu berperanan sebagai tempat berhimpun masyarakat Islam untuk mendirikan solat jumaat dan solat berjemaah. Dalam Bahasa arab, masjid membawa erti temoat beridabah iaitu berasal dari perkataan sajada, yasjudu, sujudan yang membawa maksud tempat sujud atau tempat ibadah. Sementara itu, menurut Lokman et al. (1996), masjid merupakan sebuah binaan yang berperanan sebagai tempat untuk mendirikan solat secara berjemaah, solat jumaat, iktikaf dan melaksanakan ibadah-ibadah yang lain. Dalam lipatan sejarah dakwah dan perjuangan baginda Nabi SAW di Madinah, masjid merupakan syiar, nadi dan tulang belakang kepada pembinaan sebuah negara Islam yang berdaulat. Di samping berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah kerohanian, masjid juga memainkan peranan sebagai institusi pendidikan, pentadbiran dan pusat aktiviti sosial masyarakat pada masa tersebut. Masjid merupakan nadi dan pusat kepada aktiviti harian masyarakat pada zaman baginda Nabi SAW. Insituti masjid merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan yang utama sebagai pusat tarbiah serta penyatuan ummat dalam memperkasa akidah, rohani dan jasmani serta melahirkan masyarakat yang madani. Selain itu, bermula pada zaman baginda Nabi SAW, masjid juga berperanan sebagai pusat kegiatan perekonomian. Ini dapat dilihat melalui wujudnya pasar di perkarangan dan berdekatan masjid bagi memberi peluang dan ruang kepada kaum muhajirin dan ansar menjalankan kegiatan perniagaan yang sebelumnya dimonopoli oleh kaum yahudi.

Pada masa kini, peranan masjid dari aspek ekonomi diperluas melalui pelaksanaan aktiviti dan program yang berkonsepkan perniagaan sosial dan penjanaan ekonomi masyarakat dan masjid. Antara bentuk aktiviti yang dilaksanakan ialah melalui penubuhan Konsortium Koperasi Kariah Masjid (HM, 2015), pemberian pinjaman modal bagi melaksanakan perniagaan (Rb Dandy et. al, 2018) dan juga perniagaan sosial seperti aktiviti ekonomi asas seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah dan peralatan kenduri-kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan homestay. Melalui penganjuran dan pelaksanaan perusahaan dan perniagaan sosial dapat dimanfaatkan oleh individu yang terlibat dan juga pihak masjid. Hal ini disokong oleh kajian Ahmad

Rafli, Mohd Yahya, Fidlizan, (2017). Melalui ruang dan peluang yang diberikan oleh pihak masjid, bukan sahaja dapat membantu individu yang memerlukan, akan tetapi menjaga *maslahah* masyarakat daripada terjerumus dalam pinjaman yang berunsurkan riba dan bersifat zalim serta menindas.

Melihat kepada pelaksanaan aktiviti perekonomian yang berpusatkan masjid, menunjukkan peranan dan fungsi masjid secara menyeluruh khususnya peranan dari aspek perekonomian mampu untuk dilaksanakan dan membantu menjana ekonomi masyarakat setempat. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk menyoroti sejauhmana perbincangan kajian lepas berkaitan peranan dan kepentingan fungsi perekonomian berpusatkan masjid bagi menjana ekonomi masyarakat setempat.

SOROTAN LITERATUR

Isu-isu yang dibentangkan dalam kajian ini adalah menjurus kepada persoalan mengenai sejauhmana peranan masjid sebagai penjanaan perekonomian masyarakat setempat dilaksanakan sekali gus meneliti usaha, aktiviti dan program yang dibangunkan bagi mencapai matlamat ini. Oleh yang demikian, sorotan literatur ini akan dibahagikan kepada empat tiga yang menjurus kepada persoalan kajian iaitu:

1. Peranan Masjid Pada Zaman Nabi & Khulafa Al-Rasyidin

Masjid mempunyai peranan yang lebih luas yang tidak terhad sebagai tempat pelaksanaan ibadah khusus seperti solat. menyatakan bahawa pengurusan masjid yang dilaksanakan dengan baik boleh mempengaruhi dalam meningkatkan modal insan dalam sesebuah masyarakat (Mirwan, 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa masjid merupakan institusi yang utama dan penting dalam perkembangan awal masyarakat Islam. Ab. Halim, (2021) dalam kajiannya, menguatkan lagi fakta peri pentingnya peranan masjid yang boleh dilihat daripada peristiwa bagaimana Rasulullah SAW telah memulakannya sewaktu ketibaannya di Quba' dan di Madinah dengan terlebih dahulu membina masjid. Masjid merupakan asas pertama dan utama ke arah pembentukan masyarakat Islam. Masjid merupakan pusat perbendaharaan negara pada zaman baginda Nabi SAW yang berpusat di Masjid Nabawi yang berperanan dalam pengumpulan dan agihan harta.

Pada era Saidina Abu Bakar, peranan Baitulmal dikembangkan sebagai pusat agihan zakat. Dana

zakat diagihkan keseluruhannya untuk meningkatkan kuasa membeli masyarakat Islam. Pada zaman Saidina Umar, dengan pertambahan pendapatan negara, tidak menghabiskan dana baitulmal secara sekaligus. Peranan baitulmal diperluas kepada beberapa jabatan. (Khurun dan Mohamad, 2019). Rasulullah SAW juga menubuhkan sebuah pasar (*suq*) Islam di Madinah berdekatan dengan Masjid Nabi SAW. Peranan masjid selaku pusat pengembangan ekonomi disokong oleh kajian Amru (2015), melalui kewujudan premis-premis perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di sekeliling Masjid Quba', Masjid Nabawi dan Masjidilharam.

2. Peranan Masjid Zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah

Menurut Yussi, Yuliharti dan Yanti (2020), ketika era bani umayyah, masjid banyak dibina di wilayah yang penganutnya baru memeluk ajaran Islam. Peranan dan fungsi masjid pada zaman Umayyah adalah masih sama sebagaimana fungsi masjid ketika zaman Rasulullah SAW dan khulafa ar-rasyidin. Selain menjadi tempat pelaksanaan ibadah, masjid juga berperanan sebagai pusat kepada aktiviti masyarakat yang berbentuk ilmiah.

Peranan masjid di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat diperkasakan lagi ketika era Bani Abbasiyyah. Menurut Fachrul, Syamsul, La Ode (2021) fungsi masjid diperkembangkan lagi bagi melahirkan masyarakat yang cerdas pandai melalui penyediaan kemudahan dan fasiliti pendidikan yang lengkap seperti ruang perpustakaan yang dilengkapi dengan bahan bacaan dan rujukan ilmiah dari berbagai latar belakang. Di samping itu, di masjid juga berlangsungnya halaqah-halaqah dan diskusi ilmu oleh para alim ulama dan ilmuan Islam.

Pembangunan masjid Ketika era umayyah dan abbasiyyah terus memainkan peranan yang penting dalam menegakkan syiar Islam dalam aspek pentadbiran, ekonomi, kemasyarakatan, pembangunan infrastruktur dan seni bina (Nurul, 2016). Masjid Umawi yang merupakan sebuah masjid besar yang didirikan di Damsyik. Masjid Umawi ini telah diubah suai menjadi sebuah masjid yang mempunyai tiga menara dan seni bina yang menarik yang dikenali di serata dunia. Setelah kejatuhan bani umayyah disebabkan oleh pemberontakan oleh kaum barbar di Afrika, Sepanyol dan Khurasan, seterusnya diambil alih oleh bani abbasiyyah. Bagi memperkasakan lagi dakwah dan Pendidikan, masjid dijadikan sebagai pusat pembangunan

3. Peranan Masjid Pada Masa Kini Dari Aspek Perekonomian

Peranan masjid pada masa kini dari aspek pengembangan ekonomi masyarakat adalah lebih

luas dan pelbagai. Antaranya ialah kaedah yang digunakan oleh Masjid Ummul Mu'minin, Surabaya bagi membantu masyarakat ialah melalui pemberian bantuan modal bagi melaksanakan perniagaan. Bantuan yang diberikan adalah bersandarkan kepada kekurangan modal atau dana bagi melaksanakan perniagaan dan mengelakkan daripada terlibat dengan pinjaman berunsurkan riba (Rb Dandy et. al, 2018). Peranan masjid dari aspek pengembangan ekonomi turut disokong oleh kajian Ahmad Rafli, Mohd Yahya dan Fidlizan, (2017) melalui konsep perniagaan sosial seperti aktiviti ekonomi asas seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah dan peralatan kenduri-kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan homestay merupakan sebahagian aktiviti pengimarah masjid. Keuntungan yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan & juga institusi masjid.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa dana yang terkumpul di masjid adalah fokus kepada pembangunan dan pengoperasian masjid (Zulkarnaen, Dias, dan Bustami 2019). Adalah lebih efisien sekiranya dana yang terkumpul tersebut disalurkan bagi tujuan aktiviti yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak khususnya golongan yang memerlukan. Oleh yang demikian, satu model berkaitan pengurusan keusahawanan yang telah dirangka boleh dilaksanakan oleh jawatankuasa masjid bagi memperkasakan fungsi masjid dalam menjana ekonomi masyarakat setempat di bandar Langsa, Indonesia. Antara bentuk model pengurusan yang boleh dilaksanakan oleh masjid ialah penubuhan koperasi. Idea ini disokong oleh HM, (2015), melalui penubuhan Konsortium Koperasi Kariah Masjid bukan sahaja berperanan dalam meneroka bidang perniagaan, tetapi menjadi platform untuk mendapatkan bekalan dan lesen mengimport barangan termasuk memasarkan produk masyarakat tempatan ke luar negara & dapat membantu koperasi kariah masjid digabungkan bagi menjalankan urusan niaga berskala besar. Di samping itu, Abdurrahman, Idaul dan Rahmad, (2019) melalui kajiannya mendapati kepetingan peranan masjid dari aspek pengembangan ekonomi boleh dipelbagaikan. Antaranya melalui peranan masjid Ainul Yaqin sebagai pusat membangunkan semula penternakan lembu di Lombok Tengah, Indonesia. Di masjid itu juga diwujudkan sebuah Institusi Pemerksaan Komuniti Bersepadu. Impak kepada masyarakat ialah, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat berkaitan pengurusan penternakan lembu. Pengurusan Masjid Al-Ikhlas telah menubuhkan Baitul Maal Al-Ikhlas bertujuan untuk menguruskan urusan berkaitan penyaluran zakat, infaq dan sadaqah.

Antara bentuk bantuan yang diberikan oleh BMA ialah:

- i. Memberikan pinjaman modal kepada peniaga yang memerlukan.
- ii. Memberikan pinjaman untuk pendidikan

- iii. Memberi bantuan bahan keperluan makanan asas (sembako)
- iv. Memberi bantuan pinjaman untuk orang sakit.

Tambahan itu, menurut Ahmad Rijal dan Ahmad Ridha (2019), masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya telah mengambil inisiatif melaksanakan dan menganjurkan aktiviti bercirikan ekonomi seperti penganjuran aktiviti jualan dan pameran Saiyidul Ayyam pada setiap hari jumaat. Program ini memberi peluang dan ruang kepada peniaga muslim untuk menjana pendapatan kepada pelanggan yang terdiri daripada pengunjung masjid. Selain itu, pihak pengurusan masjid menyediakan 10 buah lot kedai kepada peniaga dan pengusaha untuk mengimarahkan perkarangan masjid dengan aktiviti perniagaan. Di antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah kafeteria, pusat dobi, kedai buku Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), busana muslim, Persatuan Kakitangan Pegawai Ugama (PKPU), perkakas dan peralatan rumah. Di samping ahli jemaah dapat menunaikan ibadah rohani, para jemaah juga dapat memenuhi keperluan fizikal dan harian melalui perkhidmatan yang disediakan. Ini selaras dengan objektif masjid itu sendiri yang mengambil berat berkaitan pembangunan masyarakat

Walaupun keusahawanan masjid merupakan konsep yang baharu di Malaysia, namun demikian, peranan masjid dari aspek ekonomi adalah penting dan ini disokong oleh kajian Mohd et.al, (2019) terhadap 52 buah masjid yang dilaksanakan menunjukkan bahawa keusahawanan sosial berpotensi untuk diperluas bagi membantu menyelesaikan masalah ekonomi masyarakat.

4. Modul Perancangan Institusi Masjid Dalam Menjana Ekonomi Masyarakat

Berdasarkan kepada tinjauan literatur yang dilaksanakan, terdapat keperluan bagi mewujudkan satu modul perancangan institusi masjid dalam menjana ekonomi masyarakat atau komuniti setempat. Kebanyakan masjid baru yang dibina adalah cantik dan tersergam indah, namun begitu, terdapat permasalahan berkaitan pentadbiran dan pengurusan masjid. (Firdaus, Sabri dan Haliyana,

2017). Perkara ini disokong oleh kajian Ab. Halim, (2021) yang membuktikan bahawa, bagi melaksanakan pengurusan masjid yang efisien, aspek utama yang perlu diberikan tumpuan juga adalah berkaitan dengan pembangunan komuniti. Justeru itu, terdapat pihak yang perlu mengambil peranan untuk menyediakan platform bagi memenuhi keperluan untuk menyediakan imam-imam masjid untuk ditauliahkan sebagai Ketua Eksekutif Masjid (CEO). Ini dapat dilakukan dengan mendalami ilmu pengurusan masjid termasuk pembangunan komuniti dan pembangunan ekonomi. Satu program yang mantap perlu dibangunkan bagi memenuhi keperluan untuk menyediakan imam-imam masjid untuk ditauliahkan sebagai Ketua Eksekutif Masjid. Terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberikan kepada setiap pihak pengurusan masjid agar mereka mempunyai ilmu dan kemahiran dalam mengurus tadbir ke arah yang lebih efisien.

ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini dianalisis kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Peranan masjid pada zaman Nabi SAW, khulafa ar-rasyidin, bani umayyah dan abbasiyyah.
2. Peranan masjid pada masa kini.
3. Modul perancangan institusi masjid dalam menjana ekonomi Masyarakat.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilaksanakan, masjid mempunyai peranan yang luas mencakupi pelbagai aspek dan tidak terhad kepada pelaksanaan ibadah sahaja. Di samping berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah masjid juga berperanan sebagai pusat kegiatan masyarakat seperti pendidikan, pentadbiran, dan perekonomian. Melalui kepelbagai fungsi dan peranan yang dimainkan oleh masjid khususnya dari aspek perekonomian mampu untuk membantu masyarakat setempat dalam menjana pendapatan bagi menampung keperluan kehidupan seharian.

Jadual 1: Peranan Masjid Pada Zaman Nabi SAW, Khulafa Ar-asyidin, bani umayyah & abbasiyyah

Bil	Penulis	Dapatan Kajian
1	Ab. Halim (2021)	Masjid merupakan institusi yang utama dan penting dalam perkembangan awal masyarakat Islam. Ini boleh digambarkan melalui peristiwa bagaimana Rasulullah SAW telah memulakannya sewaktu ketibaannya di Quba' dan di Madinah dengan terlebih dahulu membina masjid yang merupakan asas pertama dan utama ke arah pembentukan masyarakat Islam.
2	Khurun & Mohamad (2019)	Masjid merupakan pusat perbendaharaan negara. Pada era Saidina Abu Bakar, peranan Baitulmal dikembangkan sebagai pusat agihan zakat. Dana zakat diagihkan keseluruhannya untuk meningkatkan kuasa membeli masyarakat Islam. Pada zaman Saidina Umar, dengan pertambahan pendapatan negara, tidak Mehrabian dana baitulmal secara sekaligus. Peranan baitulmal diperluas kepada beberapa jabatan.

3	Amru (2015)	Rasulullah SAW juga menubuhkan sebuah pasar (suq) Islam di Madinah berdekatan dengan Masjid Nabi SAW. Peranan masjid selaku pusat pengembangan ekonomi terbukti dengan kewujudan premis-premis perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di sekeliling Masjid Quba', Masjid Nabawi dan Masjidilharam
4	Yussi & Yanti (2020)	Ketika era bani umayyah, masjid banyak dibina di wilayah yang penganutnya baru memeluk ajaran Islam. Peranan dan fungsi masjid pada zaman Umayyah adalah masih sama sebagaimana fungsi masjid ketika zaman Rasulullah SAW dan khulafa ar-rasyidin. Selain menjadi tempat pelaksanaan ibadah, masjid juga berperanan sebagai pusat kepada aktiviti masyarakat yang berbentuk ilmiah
5	Fachrul, Syamsul & La Ode (2021)	Fungsi masjid diperkembangkan lagi bagi melahirkan masyarakat yang cerdas pandai melalui penyediaan kemudahan dan fasiliti pendidikan yang lengkap seperti ruang perpustakaan yang dilengkapi dengan bahan bacaan dan rujukan ilmiah dari berbagai latar belakang. Di samping itu, di masjid juga berlangsungnya halaqah-halaqah dan diskusi ilmu oleh para alim ulama dan ilmuan Islam.

Jadual 2: Peranan Masjid Pada Masa Kini Dari Aspek Perekonomian

Bil	Penulis	Dapatan Kajian
1	Rb Dandy et. Al (2018)	Pendekatan bantuan oleh Masjid Ummul Mu'minin, Surabaya ialah melalui pemberian bantuan modal bagi melaksanakan perniagaan. Bantuan diberikan bersandarkan kepada keperluan individu bagi melaksanakan perniagaan dan bantuan bertujuan mengelakkan daripada terlibat dengan pinjaman berunsurkan riba.
2	Ahmad Rafliis (2017), Muhd Ikmal (2019)	Aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan adalah berbentuk konsep perniagaan sosial. Pelaksanaan ekonomi asas seperti penyewaan lot-lot kedai, rumah sewa, tapak menara telekomunikasi, khemah dan peralatan kenduri-kendara, sewa dewan, sewa bilik kuliah dan perniagaan homestay merupakan sebahagian aktiviti pengimarah masjid. Keuntungan yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan & juga institusi masjid.
3	HM (2015)	Penubuhan Konsortium Koperasi Kariah Masjid merupakan platform yang baik untuk pengembangan perniagaan sosial berpusatkan masjid melalui bekalan dan lesen mengimport barangan termasuk memasarkan produk masyarakat tempatan ke luar negara & dapat membantu koperasi kariah masjid digabungkan bagi menjalankan urus niaga berskala besar.
4	A. Kadim (2019)	Masjid Ainul Yaqin membangunkan semula penternakan lembu di Lombok Tengah, Indonesia. Di samping itu sebuah Institusi Pemerkaasaan Komuniti Bersepadu diwujudkan. Impak kepada komuniti setempat ialah, meningkatkan pengetahuan ndan kemahiran masyarakat berkaitan pengurusan penternakan lembu.
5	Mohd et. Al (2019)	Walaupun keusahawanan masjid merupakan konsep yang baharu di Malaysia, namun demikian, kajian terhadap 52 buah masjid yang dilaksanakan menunjukkan bahawa keusahawanan sosial berpotensi untuk diperluas bagi membantu menyelesaikan masalah ekonomi masyarakat.
6	Abdurrahman (2019)	Pengurusan Masjid Al-Ikhlas telah menubuhkan Baitul Maal Al-Ikhlas bertujuan untuk menguruskan urusan berkaitan penyaluran zakat, infaq dan sadaqah. Antara bentuk bantuan yang diberikan oleh BMA ialah: 1. Memberikan pinjaman modal kepada peniaga yang memerlukan. 2. Memberikan pinjaman untuk pendidikan 3. Memberi bantuan bahan keperluan makanan asas (sembako). 4. Memberi bantuan pinjaman untuk orang sakit. Melalui pemberian bantuan ini bukan sahaja memenuhi keperluan asas dan jangka pendek, akan tetapi membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dalam jangka masa panjang.
7	Ahmad Rijal & Ahmad Ridha (2019)	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya telah mengambil inisiatif melaksanakan dan menganjurkan aktiviti bercirikan ekonomi seperti penganjuran aktiviti jualan dan pameran Saiyidul Ayyam pada setiap hari jumaat. Program ini memberi peluang dan ruang kepada peniaga muslim untuk menjana pendapatan kepada pelanggan yang terdiri daripada pengunjung masjid. Selain itu, pihak pengurusan masjid menyediakan 10 buah lot kedai kepada peniaga dan pengusaha untuk mengimarahkan perkarangan masjid dengan aktiviti perniagaan. Di antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah kafeteria,

pusat dobi, kedai buku Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), busana muslim, Persatuan Kakitangan Pegawai Ugama (PKPU), perkakas dan peralatan rumah. Di samping ahli jemaah dapat menunaikan ibadah rohani, para jemaah juga dapat memenuhi keperluan fizikal dan harian melalui perkhidmatan yang disediakan. Ini selaras dengan objektif masjid itu sendiri yang mengambil berat berkaitan pembangunan masyarakat.

Jadual 3: Modul Perancangan Institusi Masjid Dalam Menjana Ekonomi Masyarakat

Bil	Penulis	Dapatan Kajian
1	Firdaus (2017)	Kebanyakan masjid baru yang dibina adalah memberi penekanan terhadap aspek pembinaan fizikal masjid semata-mata dan tidak memberi penekanan terhadap pengurusan masjid yang efisien. Sehubungan itu, bagi memperkasa institusi masjid, perlunya kepada satu modul perancangan menyeluruh dan khusus kepada aktiviti bagi menjana ekonomi masyarakat. Melalui ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban masyarakat dan membantu dalam menjana pendapatan bagi kelangsungan kehidupan.
2	Ab. Halim (2021)	Pembangunan masjid yang efisien menekankan aspek pembangunan komuniti. Wujudnya keperluan untuk melatih pihak pengurusan masjid kursus-kursus berkaitan lemen pembangunan komuniti. Ini penting bagi melahirkan golongan pentadbir yang berkemahiran dalam mengurus dan kesannya dapat dinikmati oleh komuniti masyarakat setempat.

Bermula pada zaman baginda Nabi SAW, peranan dan fungsi masjid dijadikan sebagai sandaran bagi menggambarkan peranan yang sebenar. Peranan masjid adalah bersifat lebih luas sebagai pusat aktiviti dan kegiatan umat. Peranan ini diteruskan dan diperkasa pada zaman khulafa ar-rashidin dengan menjadikan masjid sebagai baitulmal. Pada masa kini, bentuk pelaksanaan aktiviti yang berpusatkan masjid dikembangkan sejajar dan seiring dengan peredaran masa. Terdapat pelbagai aktiviti khususnya aktiviti yang bercirikan perekonomian dilaksanakan bagi membantu menjana dan meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Daripada sorotan literatur, membawa kepada keperluan kepada kajian lanjut untuk mewujudkan modul perancangan institusi masjid dalam menjana ekonomi masyarakat setempat.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas, menunjukkan masjid mempunyai peranan yang luas disamping berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah bagi masyarakat yang beragama Islam. Kepelbagaian peranan yang dilaksanakan oleh masjid adalah bermula sejak zaman baginda nabi SAW dan para sahabat sehinggalah kini. Peranan yang dimainkan oleh masjid adalah bersifat lebih meluas iaitu mencakupi pelbagai aspek dan tidak hanya tertumpu kepada aspek pelaksanaan ibadah sahaja. Masjid merupakan pusat dan nadi kepada kegiatan masyarakat dan komuniti setempat. Antara peranan dan fungsi masjid ialah sebagai pusat tarbiah dan pendidikan, pusat pentadbiran, dan pusat kegiatan aktiviti yang bercirikan ekonomi masyarakat.

Bersandarkan peranan yang dibawa oleh masjid, dapat membantu membangunkan masyarakat setempat dari pelbagai aspek. Antara impak terhadap masyarakat setempat terhadap aspek ekonomi ialah dapat membantu golongan yang memerlukan untuk mendapatkan mata bagi menyara keperluan harian keluarga. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diambil oleh masjid dalam menjana ekonomi masyarakat setempat. Di Sarawak, melalui sorotan yang dilaksanakan menunjukkan aktiviti masjid yang bercirikan perekonomian masih boleh dipertingkatkan bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Ini kerana, peranan dak aktiviti yang dilaksanakan oleh masjid memberi penekanan terhadap pelaksanaan aktiviti kerohanian seperti solat, ceramah dan syarahan agama.

Tuntasnya, sorotan literatur yang dilaksanakan membawa kepada keperluan untuk kajian mewujudkan modul perancangan pelaksanaan aktiviti bagi membantu menjana ekonomi masyarakat setempat. Melalui cadangan modul perancangan pelaksanaan ekonomi ini dapat memberi idea dan panduan terhadap pihak pengurusan masjid bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu masyarakat setempat. Dengan adanya modul perancangan aktiviti perekonomian berpusatkan masjid akan dapat mengembalikan roh peranan masjid yang telah dilaksanakan bermula zaman baginda nabi SAW. Sehubungan itu, bagi merealisasikan perancangan ini, memerlukan usaha dan kerjasama pelbagai pihak. Adalah diharapkan melalui kajian lanjut berkenaan cadangan pelaksanaan modul perancangan masjid akan dapat memberi impak yang positif terhadap pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat yang memerlukan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management, Vol.1*.
- Abdurrahman. (2018). Revitalisasi Peran Masjid dalam Pemberdayaan Ekonomi Umat: Studi di Masjid Al-Ikhlas Jl. Raya Langsep 21 A Kota Malang. Degree Dissertation. Universitas Muhammadiyah Malang Ahmad Rafli Che Omar, Mohd Yahya Mohd Hussin & Fidlizan Muhammad. (2017). Perniagaan Sosial Menerusi Aktiviti Ekonomi Masjid. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship. Vol. 1: no.1*. 39–46.
- Ahmad Rijal & Ahmad Ridha. (2019). Pengimarahen Masjid di Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. *Al-Hikmah* 11(1) 2019: 132-143.
- A.Kadim, Nardi Sunardi², Rosa Lesmana & Asep Sutarman. (2019). Revitalisasi Fungsi Masjid Sebagai Pusat Penguatan Manajemen Peternak Sapi Rakyat melalui Lembaga Pemberdayaan Masyarakat Terpadu (LEMPERMADU). (Studi Kasus di Masjid Ainul Yaqin Kel. Jontlak, Kec. Praya, Kab. Lombok Tengah, Provinsi Nusa Tenggara Barat). *Jurnal Abdi Masyarakat Humanis. Vol. 1*, 10–20.
- Adnan, A.A. (2015). *Pengurusan Derma Awam Dalam Menjana Ekonomi Masjid: Perbandingan Masjid Negara Dan Masjid Al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur*, Disertasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Fauzi & Muhammad Yusuf, (2016). *Strategi Pembangunan Ekonomi Masjid As Salam Sebagai Wasilah Dakwah Kontemporari*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
- Fachrul Rahman, Syamsul Qamar & Ode Ismail Ahmad. (2021). Pendidikan Islam pada Zaman Abbasiyah. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. Volume 1 Issue 2, June 2021. Universitas Islam Negeri Alauddin.
- Fadzil, M. I., Lee, M. A. I., & Khamis, K. A. (2019). Keusahawanan Sosial Institusi Masjid Pemangkin Modal Insan Berkualiti. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 01-10.
- Harian Metro. (2015, November). RM1j modal Konsortium Koperasi Kariah Masjid. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/11/90029/rm1j-modal-konsortium-koperasi-kariah-masjid>
- Hydzulkifli, Mohd Hashim, Noraini (2015). *Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di daerah Kubang Pasu, Kedah*. *IJMS* 22 (2), 115-134.
- Lenny Silong. (2019, December). Sarawak Negeri Pertama. Retrieved from <https://suarasarawak.my/sarawak-negeri-pertama/>
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad, 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*.
- Shah Alam : Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd
- Muhammad Firdaus & Haliyana. (2017). Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid yang diberi Pengiktirafan Bintang. *Journal of Business Innovation* Volume 2 No. 1 / 2017: 25-41.
- Muhammad Ibrahim. (1967). *Al-Jannati, al-Masajid wa Ahkamuga fi al-Tasyri al-Islami*. Al-Najaf, Iraq: Mathba'ah al-Qada.
- Mohd Yahya et all. (2012), *Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII 2012.
- Mohd Zul Izwan et. al. (2019). Mosquepreneur in Perak: Reality or Fantasy?. *Research in World Economy* Vol. 10, No. 5; Special Issue, 2019, Published by Sciedu Press.
- Mirwan. (2017). Efektivitas Pengelolaan Masjid. *Jurnal Penelitian Hukum Ekonomi Syariah dan Sosial Budaya Islam*. Vol. 2, No. 1. J-ALIF.
- Nor Azlina, Norafifah & Norajila (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5, 219-229.
- RB Dandy Raga Utama, Zavirani Fitrandasari, Moh. Arifin & Ridan Muhtadi. (2018). Can Mosque Fund Management for Community Economic Empowerment *Ekonomi?* : an Exploratory Study. *International Journal of Islamic Business Ethics (IJIBE)* Vol. 3.
- Sahar, A.F.M., & Abdullah, M.Y.M. (2016). *Strategi Pembangunan Masjid As-Salam Sebagai Wasilah Dakwah Kontemporari*. International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah, Shah Alam, 10 May.
- Saimi, Sh. Anom, Ahmad Rozaini & Wan Mohd Saophy. (2012). Pengkelasan Aktiviti Pengimarahen Masjid Di Negeri Sarawak. *Proceeding KAIB*.
- Setianto dan Tika Widiastuti (2015). Analisis Pemberdayaan Sosial Ekonomi di Masjid at-taqwa. *JESTT Vol. 2*.
- Yussi, Yuliharti & Yanti (2020). Pemikiran Pendidikan Islam Pada Masa Umayyah. *Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan. Vol 20, No 2 (2020) Puspitasari*.

KANDUNGAN / CONTENTS

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

84-93

The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong